

1. "Patik akan memaklumkan titah _____ itu kepada rakyat jelata," sembah bendahara kepada sultan.

☐ A tuan hamba
☐ B baginda
☐ C tuanku
☐ D beta

2. "_____ berharap agar keputusan yang diambil ini akan membawa kejayaan dan kebahagiaan pada masa akan datang," kata Iskandar kepada ibunya.

☐ A Hamba
☐ B Anda
☐ C Kami
☐ D Saya

3. Pasukan Pengakap Itu terpaksa bermalam di dalam hutan kerana _____ gagal mencari jalan keluar.

☐ A dia
☐ B kami
☐ C beliau
☐ D mereka

4. "Sebelum membuat sebarang keputusan, _____ hendaklah menimbangkan perkara ini semasak-masaknya," kata Raihana kepada Atiqah.

☐ A dia
☐ B kami
☐ C kamu
☐ D kalian

5. "_____ tidak menghadiri latihan sukan semalam, mengapa?" tanya Shara kepada Rita dan Kamaladevi.

☐ A Mereka
☐ B Kalian
☐ C Kamu
☐ D Kita

6. Dain terlewat datang ke sekolah pada pagi itu kerana _____ kesiangan.

☐ A dia
☐ B dikau
☐ C beliau
☐ D mereka

7. "Adakah kamu mahu mengikut _____ bercuti ke Pulau Sipadan?" tanya Kemala dan Kesuma kepada Stephanie.

☐ A kita
☐ B saya
☐ C kami
☐ D daku

8. "Ayah dan ibu _____ gemar akan masakan Negeri Sembilan," kata Nia.

- ☐ A patik
- ☐ B kami
- ☐ C saya
- ☐ D anda



9. "Janganlah _____ khatir kerana kakak kamu pandai membawa diri di tempat orang," kata Mak Long Timah kepada Suhaila.

- ☐ A dia
- ☐ B kami
- ☐ C kamu
- ☐ D kalian

10. "Sebagai anak sulung, _____ mesti menunjukkan teladan yang baik kepada adik-adik," tegur Encik Bahari kepada anaknya.

- ☐ A anda
- ☐ B kamu
- ☐ C mereka
- ☐ D tuan hamba

11. Filem yang mengangkat watak pahlawan Mat Kilau itu memperoleh kutipan hampir RM100 juta setelah ditayangkan di _____ di Malaysia, Singapura, Brunei, dan Indonesia.

- ☐ A taska
- ☐ B tadika
- ☐ C gimrama
- ☐ D pawagam

12. Ibu bapa bertanggungjawab untuk memastikan kejayaan anak-anak _____ dalam pelajaran.

- ☐ A dia
- ☐ B anda
- ☐ C kalian
- ☐ D mereka

13. Sejak ayahnya meninggal dunia, _____ terpaksa berhenti sekolah untuk menyara keluarganya.

- ☐ A dia
- ☐ B kalian
- ☐ C beliau
- ☐ D mereka

14. "_____ akan mencari akar-akar kayu sebagaimana yang dikehendaki oleh tuanku," sembah lelaki tua itu kepada Sultan Ibrahim.

- ☐ A Beta
- ☐ B Patik
- ☐ C Kami
- ☐ D Hamba

15. Datuk Baharudin merupakan usahawan tani yang berjaya. _____ mempunyai beratus ekar tanah yang ditanam dengan pelbagai jenis sayur.

☐ A Baginda
☐ B Mereka
☐ C Beliau
☐ D Dia

16. Setelah dilantik sebagai Ketua Kampung Bayu, _____ melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik sekali.

☐ A dia
☐ B beliau
☐ C mereka
☐ D baginda

17. Secara _____, Karnival Sihat dan Cergas itu dikunjungi oleh 10 000 orang pengunjung setiap hari.

☐ A asbut
☐ B purata
☐ C cerpen
☐ D kugiran

18. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



"Ampun tuanku, _____ mohon perkenan daripada tuanku untuk mempersembahkan perkara ini," kata mamanda menteri.

☐ A kita
☐ B beta
☐ C patik
☐ D hamba

19. Murid _____ mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaannya.

☐ A sana
☐ B situ
☐ C sini
☐ D itu

20. "Ada khabar gembira yang ingin _____ sampaikan," kata Tun Perak kepada Sultan Mahmud.

☐ A aku
☐ B saya
☐ C patik
☐ D hamba